

KECERDASAN SPIRITUAL PADA ORANG LAIN DALAM KALANGAN PEMIMPIN PERSATUAN BELIA ISLAM NASIONAL (PEMBINA) DI SELANGOR

Suriani Sudi, Phayilah Yama
Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
(KUIS) Tel: (60) 196554746. Emel: suriani@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kejayaan untuk membangunkan sebuah negara yang maju di masa hadapan banyak bergantung pada generasi muda sekarang. Untuk itu, nilai-nilai murni perlu diterapkan dalam diri setiap belia sebagai persediaan untuk menjadi pemimpin hebat dan holistik dan antaranya adalah kecerdasan spiritual pada orang lain. Elemen-elemen yang didapati oleh pengkaji di dalam hadis-hadis iaitu ukhuwwah, ithar, bersangka baik, memudahkan, rahmah dan bekerjasama adalah merupakan kecerdasan spiritual pada orang lain. Maka satu kajian telah dijalankan ke atas 207 orang pemimpin Pembina di pelbagai institusi dan juga pemimpin peringkat cawangan. Untuk mengenalpasti tahap kecerdasan spiritual responden pada orang lain dan hubungan antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual itu sendiri. Secara keseluruhan kajian mendapati tahap kecerdasan spiritual pada orang lain responden mencapai tahap yang tinggi (min =4.27) dan hubungan antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual juga mencatatkan hubungan yang sangat kukuh ($r=0.82$). Kesimpulannya, kajian mendapati kecerdasan spiritual pada orang lain penting bagi melahirkan seorang pemimpin belia yang unggul dan hebat.

Kata kunci: kecerdasan spiritual, orang lain, belia, pemimpin.

1. Pengenalan

Fathi Yakan (1985) di dalam bukunya *Generasi Pemuda dan Perubahan* menegaskan bahawa pada hakikatnya, usia muda seorang pemuda ialah usia yang penuh dengan cita-cita yang tinggi dan darah yang gemuruh serta idealisme yang luas, iaitu usia yang memberi pengorbanan dan menebus semula. Usia menabur jasa, memberi kesan dan emosional. Mana menurutnya lagi, umur belia di dalam Islam punyai tanggungjawab dan nilai yang khusus Fathi Yakan (2000). Hasan al-Banna (2002) mengatakan bahawa sejarah telah membuktikan bahawa generasi Islam pertama yang mengikrarkan keyakinan dan keimanan yang teguh adalah para pemuda yang telah mencapai tingkat kedewasaan yang sempurna; matang dalam berfikir meskipun masih dalam usia yang begitu belia.

Kumpulan mukminin yang menerima wahyu yang berpusat di rumah al-Arqam, di tangan merekalah terlaksananya kemenangan Islam. Ketika baginda s.a.w menerima wahyu, umur baginda s.a.w menjangkau empat puluh tahun merupakan peringkat kesempurnaan belia. Sayidina Abu Bakar pula tiga tahun lebih muda dari baginda s.a.w. Sayidina ‘Umar al-Khattab pula berumur dua puluh tujuh tahun ketika memeluk Islam. Manakala Uthman bin ‘Affan lebih muda dari Rasulullah s.a.w dan Sayidina ‘Ali pula adalah yang termuda dalam kalangan mereka. Begitu juga ‘Abdullah bin Mas’ud, Said bin Zaid, Abdul Rahman bin ‘Auf, Bilal bin Rabah,

Mus'ab bin 'Umair dan ramai lagi dari kalangan sahabat dan mereka semuanya adalah dari golongan belia dan pemuda (Nasih 'Ulwan 1990)

Belia mempunyai potensi yang tinggi untuk memberikan sumbangan positif terhadap diri sendiri, keluarga dan masyarakat (Turiman et al., 2008). Namun demikian, kajian mendapati skor indikator kepimpinan dalam bacaan Indeks Belia Malaysia (IBM) telah menurun dari 65.3 pada tahun 2008 kepada 56.6 pada tahun 2011. Indeks Belia Malaysia (IBM) adalah instrumen yang dibentuk bertujuan memantau perkembangan kualiti hidup dan kesejahteraan generasi belia di Malaysia. Jadual indeks domain Potensi Diri Belia ditunjukkan seperti di bawah;

Jadual 6: Domain Potensi Diri			
Indikator	2006	2008	2011
Kepimpinan	67.2	65.3	56.6
Keusahawanan	51.6	63.3	68.6
Skor IBM	59.2	63.9	62.6
Indikator Baru			
Sensitiviti	-	-	69.1
Kesedaran Alam Sekitar	-	-	72.3
Jumlah Skor IBM	59.2	63.9	66.7

Sumber: Laman web Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Antara kelemahan persatuan yang disebut oleh Azimi dan Tumiran (1996) adalah penyertaan anggota dalam aktiviti pertubuhan masih tidak menyeluruh, pertubuhan belia hanya menjalankan aktiviti secara ad-hoc dan bukan berdasarkan kehendak ahli dan tidak meletakkan agenda kemasyarakatan sebagai keutamaan. Menurut mereka lagi, pemimpin belia masih jauh dari ciri belia profesional iaitu bertanggungjawab, bersedia untuk memberi khidmat kepada orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri, bermotivasi tinggi dan mempunyai sifat-sifat kreatif. Ini semua merupakan aspek dalaman diri belia itu sendiri dan ia berkait rapat dengan kecerdasan spiritual seseorang. Kajian ini juga menyimpulkan bahawa semua ini berpunca dari kelemahan kepimpinan belia itu sendiri. Kenyataan ini di kuatkan dengan kajian Haslinda Abdullah et.al (2012) yang menyatakan bahawa wujudnya masalah dalam kepimpinan belia. Beliau telah mempersoalkan peranan MBM sebagai sebuah badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dalam menyelaras semua pertubuhan belia yang bergabung di bawahnya dan keberhasilan MBM dalam mendekati pertubuhan-pertubuhan belia yang lesu. Menurutnya lagi, walaupun MBM telah melahirkan banyak pemimpin yang boleh dianggap berjaya di Malaysia, namun ia belum setimpal dengan isu dan kemelut sosial lain yang sedang melanda generasi belia di Malaysia. Kajian Haslinda Abdullah et.al (2012) secara tidak langsung menjelaskan senario kepimpinan pertubuhan belia tidak banyak berubah berbanding dengan apa yang berlaku dalam tahun-tahun 70an seperti yang dinyatakan oleh Azimi dan Tumiran (1996) dan ia masih lagi berterusan hingga ke abad ke 20.

Kecerdasan spiritual sebagai elemen penting dalam membentuk kepimpinan belia telah diakui oleh pengkaji lepas. Satu kajian empirikal yang dilaksanakan oleh Faisal (2007) menunjukkan bahawa potensi kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh

terhadap kepemimpinan dalam kalangan 261 orang pengurus di sebuah institut pengajian tinggi awam di Malaysia. Daripada kajian tersebut, didapati pengurus yang mempamerkan kepemimpinan pada tahap yang tinggi merupakan individu yang memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Kajiannya mendapati kecerdasan spiritual berpotensi menyumbang ke arah pembinaan bentuk kepemimpinan yang positif.

Reave (2005) telah mengenalpasti bahawa nilai integriti, komunikasi secara jujur dan rendah diri adalah nilai-nilai spiritual yang diperlukan secara kritikal dalam proses membentuk pemimpin yang berkesan dan produktif. Beliau seterusnya menjelaskan bahawa nilai yang kritikal dalam kepemimpinan adalah nilai integriti kerana pemimpin yang memiliki integriti peribadi yang kukuh mampu menonjolkan tingkah laku dan sikap yang beretika. Bahkan, beliau turut berpendapat bahawa integriti peribadi dan tingkah laku beretika perlu wujud bersama. Sekiranya dua elemen tersebut tidak disatukan, penerimaan dan kepercayaan para pengikut terhadap pemimpin akan berkurangan. Menurutnya lagi, kejujuran komunikasi antara pemimpin dan pengikut turut memangkin corak kepemimpinan yang berkesan. Pemimpin yang mampu menerima kritikan dan maklum balas negatif secara optimis, merupakan satu nilai spiritual yang berkualiti di dalam diri pemimpin yang berjaya (Reave, 2005).

Kecerdasan spiritual yang dimaksudkan di sini adalah kemampuan dalam berfikir, mengerti, memahami, sentiasa positif dan bertindak secara cepat dan sempurna dalam berinteraksi dengan persekitaran dan dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan. Ia bersifat dalaman, non material, hal-hal yang berkaitan kerohanian, bukan jasmani, yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, secara khususnya adalah berkaitan dengan jiwa, ruh, hati, akal dan sifat insan. Sepertimana Najati (1992) menafsirkan kecerdasan spiritual sebagai kematangan emosi dan sosial. Iaitu kemampuan untuk menyesuaikan diri dengan lingkungan sekitarnya, mampu untuk menanggung tanggungjawab dan berdepan dengan pelbagai masalah. Menjalani hidup dengan penuh reda dan bahagia dan bermakna.

Maka satu kajian telah dijalankan ke atas 207 orang pemimpin Persatuan Belia Islam Nasional (Pembina) di pelbagai institusi dan juga pemimpin peringkat cawangan untuk mengenalpasti tahap kecerdasan spiritual responden pada orang lain dan hubungan antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual itu sendiri.

Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) adalah persatuan belia kebangsaan yang ditubuhkan pada September 2006. PEMBINA berdaftar di bawah Pendaftar Persatuan Belia dibawah Kementerian Belia dan Sukan dengan nombor pendaftaran PPBM 2111/09. PEMBINA telah mempunyai 17 cawangan yang aktif di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Matlamat utama penubuhan PEMBINA adalah untuk menggembeleng tenaga golongan belia Islam Malaysia secara positif demi kemakmuran negara, melalui usaha berterusan dalam membangun syakhshiah dan jatidiri belia, serta gerak kerja kemasyarakatan yang mesra, bersepadu dan tersusun. Sejak penubuhannya, PEMBINA secara aktif terlibat dengan aktivisme belia, khususnya dikalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta. Antara ojektif PEMBINA

adalah untuk menggilap kualiti kepemimpinan, disiplin, amanah dan sendiri dikalangan belia/beliawanis dan untuk melahirkan belia/beliawanis yang cergas, sihat, kuat dan lasak dari segi fizikal, spiritual dan mental.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah merupakan pendekatan yang melibatkan kaedah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik. Instrumen kajian dibina berdasarkan elemen-elemen kecerdasan spiritual menurut hadis yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri. Soal selidik ini juga mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai alpha cronbach 0.845. Kajian menggunakan pemilihan sampel secara rawak berkelompok. Responden dalam kajian ini melibatkan pemimpin dari kalangan mereka yang memegang jawatan tertinggi seperti Pengerusi, Ketua Beliaawanis, Setiausaha, Timbalan Setiausaha, Bendahari dan mereka yang menjadi ketua dan penolong biro-biro di setiap persatuan Pembina yang wujud di dalam Selangor. Sebanyak 230 soal selidik telah diedar kepada 230 orang pemimpin Pembina namun hanya seramai 207 orang sahaja yang telah memulangkan semula soal selidik tersebut. Data dianalisis secara kuantitatif menggunakan SPSS 21.0 menerusi analisis deskriptif dan dibentangkan dalam bentuk frekuensi, peratus dan min selain melakukan operasi korelasi untuk mendapatkan hubungan antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual..

3. Perbincangan Hasil Kajian

Perbincangan hasil kajian ini penulis akan mulai dengan analisis deskriptif kecerdasan spiritual pada orang lain dan seterusnya analisis hubungan antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual.

3.1 Analisis Deskriptif Kecerdasan Spiritual Pada Orang lain

Daripada analisis deskriptif yang telah dilakukan terhadap pemimpin PEMBINA di Selangor hasil kajian mendapati responden kajian mencatatkan purata skor yang tinggi terhadap kecerdasan spiritual pada orang lain. Berdasarkan Jadual 1, Skor min bagi konstruk kecerdasan spiritual pada orang lain adalah 4.27. Ini menunjukkan keseluruhan responden dalam kajian ini mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi terhadap orang lain. Hal sedemikian adalah kerana responden adalah terdiri dari kalangan pemimpin. Seorang pemimpin sememangnya harus memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi berbanding ahli biasa. Tambahan lagi, menurut Puan Hanan Othman, Ketua Unit Latihan Pembina Pusat, latihan pembangunan diri yang dihadiri hampir setiap minggu oleh pemimpin Pembina ini, secara tidak langsung memberi kesan terhadap tahap spiritual mereka.

Jadual 1:Skor min bagi kecerdasan spiritual pemimpin Pembina di Selangor

Konstrak utama	Min	Intepretasi
Kecerdasan Spiritual Pada Orang lain	4.27	Tinggi

Sumber: Soal selidik 2017

Secara lebih terperinci, jadual **Error! Not a valid bookmark self-reference.** di bawah menunjukkan taburan kecerdasan spiritual responden dengan orang lain adalah tinggi. Analisis di atas menunjukkan elemen bekerjasama (min =4.40) mencatatkan tahap tertinggi kecerdasan spiritual pada orang lain diikuti elemen rahmah (min

=4.39) dan ukhuwwah (min =4.35) manakala elemen *ithar* (min =4.10) pula menunjukkan skor yang paling rendah.

Jadual 2: Tahap kecerdasan spiritual pada orang lain mengikut min

Kod item	Item	TS	TP	S	SS	Min	Intepretasi
B47	Ukhuwwah		9(4.3)	117(56.5)	81(39.1)	4.35	Tinggi
B48	Ithar	1(0.5)	27(13.0)	129(62.3)	50(24.2)	4.10	Tinggi
B49	Bersangka Baik	2(1.0)	12(5.8)	127(61.4)	66(31.9)	4.24	Tinggi
B50	Memudahkan		27(13.0)	123(59.4)	57(27.5)	4.14	Tinggi
B51	Rahmah		7(3.4)	113((54.6)	87(42.0)	4.39	Tinggi
B52	Bekerjasama		2(1.0)	120(58.0)	85(41.1)	4.40	Tinggi
	Keseluruhan					4.27	Tinggi

Sumber: Soal selidik 2017

Menurut Puan Hanan Othman, Pembina sangat menekankan ukhuwwah dalam kalangan ahli dan sesama barisan kepimpinan. Pembina sering mengatur program-program yang bertujuan untuk meningkatkan ukhuwwah dan persaudaraan sesama ahli seperti aktiviti berbuka puasa bersama, riadah bersama, qiamullail bersama, saling ziarah menziarahi dan seumpamanya. Maka tidak hairanlah elemen ukhuwwah mencatatkan skor yang tinggi dalam kalangan responden. Apabila ukhuwwah yang tinggi wujud maka akan lahir sifat bekerjasama dan rahmah dalam kalangan ahli dan kepimpinan. *Ithar* menurut Miskawayh (2011) adalah menahan sebahagian hajatnya untuk diberikan kepada mereka yang lebih memerlukan dan al-Jurjani (1426H) menyatakan *ithar* merupakan tahap tertinggi dalam tingkatan ukhuwwah. Maka sudah tentu untuk mendapatkan sifat tersebut agak sukar dan perlu kepada usaha yang tinggi. Oleh kerana itulah elemen *ithar* dalam kajian ini berada pada tahap yang paling rendah kerana agak sukar untuk mewujudkannya di dalam diri.

Dapatan ini menepati pandangan seorang mujadid Hassan Al Banna (1989) yang menyatakan hubungan yang baik di antara pemimpin dengan orang bawahannya adalah sangat penting bagi menjamin kesejahteraan sesebuah organisasi. Contoh terbaik ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW di mana baginda SAW menerapkan sikap toleransi, sabar, menekankan konsep kesamarataan, mengadakan mesyuarat dengan penuh adab dan memberikan tunjuk ajar secara berhemat, peka dan memberi tindak balas dalam setiap tingkah laku dan aktiviti mereka (Ismail Noor, 2000).

3.2 Analisis Hubungan Antara Kecerdasan Spiritual Pada Orang lain Dengan Kecerdasan Spiritual

Secara keseluruhan, analisis Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang kukuh ($r=0.82$, $p<0.01$) antara kecerdasan spiritual pada orang lain dengan kecerdasan spiritual dalam kalangan responden sepertimana ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 3: Hubungan Antara Kecerdasan Spiritual Pada Orang lain dengan Kecerdasan Spiritual

Pembolehubah	R	Sig (1-tailed)	Interpretasi
Hubungan dengan orang lain	0.82	0.000	Kukuh

Korelasi adalah signifikan pada aras $p < 0.01$

Ini bermakna kecerdasan spiritual pada orang lain dianggap sebagai membawa kepada kecerdasan spiritual responden. Implikasi kepada kecerdasan spiritual adalah jika inginkan kecerdasan spiritual yang tinggi dalam kalangan pemimpin Pembina maka perlu ada kecerdasan spiritual yang tinggi kepada orang lain iaitu ukhuwwah, ithar, bersangka baik, memudahkan urusan, rahmah dan bekerjasama.

Dapatan ini disokong oleh Elmi (2013; 2015) yang menyatakan kecerdasan spiritual dengan orang lain mampu membentuk kecerdasan spiritual seseorang. Sebagaimana Faizatul Najiha dan Faudzinaim (2015) yang turut mengatakan bahawa menjaga hak-hak orang lain dan sentiasa mendengar orang lain adalah antara nilai-nilai kecerdasan spiritual yang diterapkan oleh al-Ghazali di dalam kitab Ihya' Ulumuddin yang membawa kepada kecerdasan spiritual seseorang.

Dapatan kajian juga didapati selari dengan pandangan Toto Tasmara (2001) yang menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai kecerdasan spiritual akan sentiasa menjaga hubungan dengan orang lain, tidak akan hidup menyendiri dan tidak akan melepaskan tanggungjawabnya terhadap orang lain. Ini adalah kerana salah satu elemen spiritual yang cerdas adalah sentiasa membina, memelihara dan meningkatkan hubungan dengan orang lain.

Sehubungan itu, kajian ini menyokong idea yang diutarakan oleh Tobroni (2005) bahawa kepemimpinan yang punyai kecerdasan spiritual adalah kepemimpinan yang sejati atau kepemimpinan yang sebenarnya. Ia memimpin dengan hati berdasarkan pada asas dan tuntutan agama. Ia mampu membentuk karakter kepimpinan, integriti yang tinggi dan keteladanan yang luar biasa. Ia bukan semata-mata seorang pemimpin yang mencari pangkat, jawatan, kekuasaan dan kekayaan malah pemimpin yang sangat ikhlas hatinya untuk membawa kejayaan dan membina tamadun untuk umat.

4. Rumusan dan Implikasi Kajian

Implikasi kepada kecerdasan spiritual adalah jika inginkan kecerdasan spiritual yang tinggi dalam kalangan pemimpin Pembina maka perlu kepada kecerdasan spiritual yang tinggi kepada orang lain iaitu ukhuwwah, ithar, bersangka baik, memudahkan, rahmah dan bekerjasama. Maka hasil kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan yang baik pada elemen kecerdasan spiritual pada orang lain berpotensi menyumbang ke arah pembentukan kepimpinan dalam kalangan responden. Responden yang mempunyai nilai-nilai iaitu ukhuwwah, ithar, bersangka baik, memudahkan, rahmah dan bekerjasama dapat memupuk nilai positif dan integriti dalam kepimpinan mereka.

Maka jelas di sini bahawa, kecerdasan spiritual mampu berperanan sebagai faktor penentu kepada kepimpinan pemimpin belia. Pembentukan kecerdasan spiritual yang mantap mampu memangkin proses pembentukan kepimpinan dalam kalangan belia di Malaysia. Justeru itu, perancangan program yang sistematik dan berterusan perlu dilakukan bagi meningkatkan kecerdasan spiritual para belia di Malaysia, yang akhirnya menjana kepada pembentukan generasi kepimpinan yang cemerlang di masa hadapan.

RUJUKAN

- Azimi Hamzah & Turiman Suandi. 1996. *Isu dan Cabaran dalam Pembangunan Belia: Beberapa Pemerhatian Penting* dibentangkan di Persidangan majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan, Seremban.
- Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia edisi 4/2014
<http://www.ippbm.gov.my/dokumen/buletin/buletin-edisi-4-2014.pdf>
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. *Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan*. ISLAMIYYAT 35(1) 2013: 19 – 28
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2015. Kecerdasan Ruhaniah Membentuk Manusia Unggul. *ISLAMIYYAT 37*. Vol 2. Hal. 97 - 105
- Faisal, R. F. 2007. The Influence of Emotional Quotient and Spiritual Quotient with Transformational Leadership among Managers in Universiti Utara Malaysia. *Kertas Kerja*. Universitas Andalas.
- Faizatul Najihah binti Mohd Azaman & Faudzinaim bin Baharuddin. 2016. Nilai-nilai Kerohanian Dalam Pembangunan Modal Insan Menurut al-Ghazali. *International Jurnal of Islamic and Civilization Studies*. Vol 3. No 1. Hal 10-27
- Al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1998. *Ihya' Ulum al-Din*. Jil 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Haslinda Abdullah et.al. 2012. *Majlis Belia Malaysia: Quo Vadis Transformasi Era Semasa*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space 8 issue 7 (13 - 19) 13. © 2012, ISSN 2180-2491
- Hassan Al Banna. (1989). *Tanggungjawab Pemimpin Islam*. Kuala Lumpur: Karya Media Publisher
- Hanan Othman. 2018. *Temuramah*. Bangi:
- Ismail Noor. (2000). *Kepimpinan Nabi Muhammad SAW*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Uthman Najati. 1992. *al-Hadith al-Nabawi wa 'Ilm al-Nafs*. Beirut, Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Razaleigh Muhamat. 2015. *Kepimpinan dan Pengurusan Islam; Sejarah, Teori dan Pelaksanaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Reave, L. 2005. Spiritual values and practices related to leadership effectiveness. *The Leadership Quarterly*, 16, 655-687.
- Tobroni, M. 2005. *Perilaku Kepemimpinan Spiritual Dalam Pengembangan Organisasi Pendidikan Dan Pembelajaran: Kasus Lima Pemimpin Pendidikan di Kota Ngalam*. Kajian Phd. Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Toto Tasmara. 2001. *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani
- Turiman Suandi, Nobaya Ahmad, Ezhar Tamam & Azimi Hamzah. 2008. *Pembangunan Belia ke Arah 2057: Isu dan Cabaran*. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia*, 1(Disember): 1-13.